



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

Aras G-4, Menara PjH, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Emel: pha@kwp.gov.my

Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

Oleh

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

GARIS PANDUAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN DI KAWASAN BUKIT DAN CERUN BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR TAHUN 2010

Sukacita dimaklumkan bahawa Jemaah Menteri telah bersetuju dengan pelaksanaan **Garis Panduan Perancangan Pembangunan Di Kawasan Bukit dan Cerun Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2010 (GP WKPL 2010)** diguna pakai khusus bagi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berkuat kuasa 1 Oktober 2010.

2. Pewujudan Garis Panduan ini adalah hasil perbincangan dan persetujuan bersama antara pihak **Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB)**, **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)**, **Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)** dan agensi-agensi teknikal seperti **Jabatan Mineral dan Geosains**, **Jabatan Pengairan dan Saliran**, **Jabatan Kerja Raya**, **Pusat Penyelidikan Pencegahan Bencana Antarabangsa (IRCDiP)** dan badan profesional **Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd.**

3. Pemakaian Garis Panduan ini akan **menggantikan Garis Panduan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan 2009 (GP KPKT 2009)** bagi membolehkan segala keperluan pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) diselaraskan dengan **Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020**

(PSKL 2020) dan Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (DPBRKL 2020).

4. Sekiranya pihak DBKL mengguna pakai GP KPKT 2009, DBKL akan menghadapi **permasalahan dan kekangan** dari segi kekurangan kawasan yang boleh dibangunkan, kehilangan daya saing dalam aspek pelaburan hartanah dan tindakan undang-undang melibatkan bayaran ganti rugi kepada pemilik-pemilik tanah dan kos pengambilan balik tanah yang tinggi.

5. Dengan pemakaian GP WPKL 2010, secara langsung membantu ke arah **meningkatkan daya saing pembangunan sektor hartanah** di WPKL di samping membuka ruang untuk **menggalakkan pembangunan semula kawasan-kawasan usang** yang berpotensi tinggi untuk **menarik minat pelabur** menanam modal di WPKL.

6. Garis Panduan ini akan **menekankan aspek penyelesaian kejuruteraan** dalam mempertimbangkan kelulusan sesuatu perancangan pembangunan dengan **menetapkan syarat-syarat yang lebih ketat dan komprehensif** serta **menerapkan amalan pengurusan dan kejuruteraan terbaik** (*Best Management and Engineering Practices*). Dalam hal ini, **pemaju perlu mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan.**

7. Selain itu, **pelantikan pemeriksa bebas bertauliah** (*certified independant checker*) yang dilantik oleh DBKL perlu **membuat semakan terhadap reka bentuk dan pemantauan kerja-kerja cerun di tapak projek** serta memberi **pandangan kedua** (*second opinion*) ke atas kesesuaian reka bentuk kejuruteraan bagi pembangunan di kawasan cerun yang berisiko.

8. Selaras dengan pelaksanaan Garis Panduan ini juga, satu unit khas yang dinamakan **Unit Kejuruteraan Cerun** akan **diwujudkan** di DBKL yang **bertanggungjawab untuk mengawal, memantau dan menyenggara kawasan-kawasan bukit dan cerun di WPKL** bersesuaian dengan Garis Panduan Penyenggaraan Cerun di Malaysia (*Guideline on Slope Maintenance in Malaysia*) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia.

9. Saya berharap dan memberi jaminan bahawa pelaksanaan **Garis Panduan Perancangan Pembangunan Di Kawasan Bukit dan Cerun Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2010** sentiasa **menekankan prinsip keselamatan orang awam dan harta benda** serta **sensitif alam sekitar** dipelihara sepanjang masa. Matlamat akhirnya ialah untuk merealisasikan dan menyokong usaha Kerajaan ke arah pelaksanaan **Greater Kuala Lumpur**.

10. Hakikatnya, situasi geografi dan sosioekonomi WPKL telah mencapai tahap pembangunan tepu dengan hampir 90% kawasannya yang sedia ada telah dibangunkan. Justeru, pembangunan di kawasan bukit dan cerun di WPKL tidak dapat dielakkan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan agar potensi kawasan dimanfaatkan sejajar dengan konsep pembangunan yang mampan.

Nota:

Perincian Garis Panduan seperti lampiran berkembar.

DATO' HJ. AHMAD PHESAL TALIB

Ketua Setiausaha

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

22 September 2010
KUALA LUMPUR